

**YAZZ CAMPAIGN 2022**

TEMPOH KEMPEN 1 Januari 2022 – 30 Jun 2022

**Labur, Belajar  
& Peroleh  
Ganjaran\*  
anda!**



**yazz**  
PUBLIC MUTUAL



**PUBLIC MUTUAL**  
ANAK SYARIKAT MILIK PENUH PUBLIC BANK

\*Tertakluk pada terma dan syarat.

PUBLIC MUTUAL BERHAD (197501001842 (23419-A))

## MEKANISME KEMPEN:

Muat turun Aplikasi Yazz sekarang untuk mula belajar tentang pengurusan kewangan dan melabur sambil menyimpan demi masa depan anda.

### BAGAIMANAKAH IA BERFUNGSI:



1. Pelabur Golongan Muda yang Layak<sup>^</sup> akan menerima Token Yazz untuk pelaburan/caruman\* yang layak yang dibuat ke dalam dana unit amanah dan Skim Persaraan Swasta (PRS) Public Mutual.



2. Token Yazz boleh digunakan untuk menyertai kuiz bulanan di Aplikasi Yazz untuk memperoleh Poin Ganjaran.



3. Poin Ganjaran tersebut boleh digunakan untuk menebus tiket bagi menyertai aktiviti seterusnya memenangi hadiah-hadiah menarik.

Pelabur Golongan Muda yang Layak<sup>^</sup> boleh mendapatkan Token Yazz berdasarkan jumlah pelaburan seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

Jenis Pelaburan	Jumlah Pelaburan Bagi Setiap Urus Niaga (RM)	Bilangan Token Yazz yang Layak Diperoleh
PRS	Setiap RM100	10
Unit Amanah	Setiap RM200	10

Setiap Pelabur Golongan Muda yang Layak boleh mengumpul sehingga 40 Token Yazz sebulan berdasarkan jumlah pelaburan anda.

<sup>^</sup> Pelabur Golongan Muda yang Layak didefinisikan sebagai pelabur/pencarum yang berumur bawah 31 tahun dan hendaklah menjadi pelanggan Public Mutual Online (PMO).

<sup>\*</sup> Pelaburan/caruman yang layak merujuk kepada pelaburan/caruman ke dalam unit beban dana ekuiti/imbang/aset campuran dan dana PRS kami. Semua urus niaga tukar ganti dan pemindahan adalah dikecualikan.

### TERMA DAN SYARAT

- Semua Token Yazz yang dikeluarkan adalah sah selama 3 bulan. Sebagai contoh, jika urus niaga pelaburan diserahkan pada 30 Januari 2022 dan diproses pada 2 Februari 2022, pelabur tersebut akan dikreditkan dengan Token Yazz untuk bulan Februari 2022 yang akan tamat tempoh penggunaannya pada akhir Mei 2022.
- Akses ke Aplikasi Yazz akan ditamatkan sekiranya Pelabur Golongan Muda yang Layak<sup>^</sup> menghentikan langganan PMO mereka. Untuk mengakses Aplikasi Yazz, Pelabur Golongan Muda yang Layak<sup>^</sup> perlulah mengekalkan langganan PMO mereka.
- Maklumat mengenai kuiz/penebusan untuk menyertai aktiviti dan hadiah-hadiah boleh didapati di Aplikasi Yazz.
- Public Mutual berhak mengubah suai Terma dan Syarat dinyatakan di sini serta/atau membatalkan, menamatkan atau menggantung kempen ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu.
- Keputusan Syarikat terhadap senarai pemenang adalah muktamad dan sebarang surat menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.
- Public Mutual dan kakitangan, pengarah, syarikat induk, syarikat gabungan dan wakil masing-masing tidak bertanggungjawab terhadap sebarang jenis kerugian atau kecederaan, hak, tuntutan atau tindakan berhubung dengan aktiviti atau akibat daripada penerimaan, penggunaan/penyalahgunaan hadiah atau penyertaan dalam aktiviti ini.
- Sekiranya terdapat sebarang ketakkonsistenan, percanggahan, kekaburan atau perselisihan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Mandarin dan/atau Bahasa Malaysia dalam Terma dan Syarat ini, hanya versi Bahasa Inggeris dianggap sah.



Tertakluk pada terma dan syarat